

Malahan, dalam tempoh terdekat UUM juga mahu menjadi *Top Business School* menjelang 2011 selain mendapat pengiktirafan sebuah badan profesional antarabangsa bagi program akademik melalui akreditasi AACSB (*The Association to Advanced Collegiate School of Business*) menjelang 2013.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk merealisasikan impian itu kerana usia universiti ini yang mahu menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka sudah mencecah 26 tahun.

Beliau berkata, antara usaha yang diambil ialah memantapkan struktur akademik dan pentadbiran di tiga kolej bagi membolehkan sistem penyampaian lebih berkesan kerana universiti ini sudah mempunyai 47 program Sarjana Muda, 46 (Sarjana) dan 21 program PhD.

Mustafa berkata, jumlah pelajar universiti ini juga semakin meningkat secara mendadak termasuk kemasukan pelajar luar negara, sejak universiti ini memulakan operasi pada 1984 sehingga sekarang.

Katanya, UUM menjangka akan menerima 41,376 pelajar pada 2013 berbanding sekarang yang sudah berjumlah 34,152 pelajar dan sebahagian besarnya tinggal di kawasan kampus.

"Jumlah pelajar meningkat menyebabkan penginapan pelajar terutama pelajar antarabangsa kian mendesak menyebabkan pelbagai usaha mesti dilakukan segera bagi mengatasi masalah itu.

"Oleh itu, pihak kementerian diminta mempertimbangkan peruntukan bagi melakukan penambahbaikan kepada frasarana dan bangunan-bangunan kediaman pelajar agar mewujudkan keadaan lebih selesa memandangkan berlakunya peningkatan bagi jumlah pelajar dari semasa ke semasa," katanya ketika memberi taklimat kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam lawatan Ziarah Kerja dan Majlis Sambutan Hari raya Aidilfitri pada 22 hingga 23 September 2010 lalu.

Sebelum itu, Mustafa menerangkan latar belakang struktur akademik universiti ini yang mengamalkan struktur sekolah daripada empat sekolah berubah menjadi 10 sekolah pengajian pada 1984.

"Kemudian ditukar kepada struktur fakulti bermula 2003 sehingga 2007 sebelum ditukarkan sekali lagi menjadi tiga kolej yang masih digunapakai sehingga ke hari ini," katanya.

Beliau menambah dengan peningkatan program akademik dari setahun ke setahun membuktikan UUM sentiasa membuka peluang dan bidang-bidang ilmu kepada masyarakat.

Terdahulu, Mohamed Khaled menerima perbarisan tabik hormat dan melakukan pemeriksaan ke atas pasukan terdiri daripada anggota pasukan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dan Kor Sukarelawan Siswa/Siswi Polis (SUKSIS) membabitkan 95 anggota diketuai Pegawai Muda Mohd Zulfadzlie Mohd Zaki diiringi oleh Naib Canselor UUM.

Mohamed Khaled juga mengadakan lawatan ke Galeri UUM di Bangunan Canselori sebelum menghadiri taklimat dan menandatangani plak perasmian tiga Sekolah Pengajian Siswazah yang baru.

Tiga Sekolah Pengajian Siswazah (*Graduate School*) itu membabitkan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, Othman Yeop Graduate School of Business dan Ghazali Shafie Graduate School of Government.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my